

Knowledge Transfer Programme - KTP

Syarat-syarat umum permohonan:

Warganegara Malaysia; dan
Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai ahli bersama bertaraf tetap.
Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai ahli bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Program bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan. Bagi Ketua Program sedia ada, permohonan baru akan dipertimbangkan sekiranya pelaksanaan projek terdahulu telah mencapai 70% setelah disah dan diperakukan oleh pihak IPTA.
Ketua Program boleh memasukkan ahli bersama daripada IPTA lain, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Knowledge Transfer Programme - KTP

Syarat-syarat umum permohonan:

Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM 200,000.00.

Setiap projek yang dipohon perlulah memasukkan Graduate Intern* bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan. (*rujuk kepada Glosari untuk definisi)

Tempoh program mestilah tidak melebihi 2 tahun. Tempoh minimum ialah 1 tahun.

Program-program berbentuk "one off" tidak akan dipertimbangkan.

Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Program.

Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan program.

Ketua Program yang berpindah IPTA hendaklah melepaskan kedudukan sebagai Ketua Program. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan program berkenaan.